

Headline	HARBA jana sumber ekonomi		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	16 Feb 2016	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	1,270,667
Page No	V7	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	501 cm <sup>2</sup>
Journalist	Mohamad Hussin	AdValue	RM 19,661
Frequency	Daily	PR Value	RM 58,983



**RENCANA**

Oleh Mohamad Hussin  
mohamad\_hussin@hmetro.com.my

**L**ebih 50 penduduk kawasan Parlimen Ledang mengadakan lawatan ke Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di Kepong, baru-baru ini.

Lawatan diketuai Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) merangkap Ahli Parlimen Ledang Datuk Hamim Samuri.

Lawatan sambil belajar ini bertujuan mengetahui aktiviti penyelidikan yang dilaksanakan FRIM berkaitan herba dan meninjau potensi herba dalam menjana sumber ekonomi.

Rombongan dibawa melawat tapak Rumah Hijau Kacip Fatimah di bawah kelolaan Pegawai Penyelidik FRIM Dr Farah Fazwa Mohd Ariff.

# HERBA jana sumber ekonomi

## 50 penduduk Parlimen Ledang tinjau aktiviti penyelidikan di FRIM

**HAMIM menanam pokok tanda kenangan.**

**FARAH (kiri) dan Suhaila memberi penerangan mengenai penanaman kacang fatimah.**

**“Lawatan ini banyak memberi manfaat kepada penduduk Parlimen Ledang mengenai operasi FRIM yang terkenal sebagai pusat penyelidikan”**

**HAMIM SAMURI**

terdapat di FRIM.

“Lawatan ini banyak memberi manfaat kepada penduduk Parlimen Ledang mengenai operasi FRIM yang terkenal sebagai pusat penyelidikan.”

“Terdapat banyak spesies pokok herba di dalam FRIM dan ada antara pokok herba ini boleh dijadikan rawatan perubatan,” katanya.

Hadir sama Ketua Pengarah FRIM Datuk Dr Abd Latif Mohmod, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) FRIM Dr Rahim Sudin, Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan) FRIM Dr Ismail Harun, Pengarah Hasil Semulajadi FRIM Dr Rasadah Mat Ali dan Naib Presiden Kanan Program Bioekonomi dan Bahagian Pengurusan Pelaksana Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp) Zurina Che Dir.

Pada lawatan itu, Hamim bersama Abd Latif menanam pokok kacang fatimah sebagai tanda peringatan program ini.

**ROMBONGAN penduduk Parlimen Ledang bergambar kenangan.**